

Penghayatan T.E.R.A.S Naratif Baru UKM: Universiti Watan Kita *Suatu Tafsiran*


Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin *FASc*
Pengarah, KITA-UKM

*Tafsiran pada HARI MALAYSIA, 16 September 2021
untuk Bicara UKM 4 Oktober 2021*

Tujuan Pembentangan

- Pada 10 Jun 2021, kira-kira empat bulan lalu Prof Dato' Ts. Dr Ekhwan Haji Toriman, Naib Canselor, UKM telah menyampaikan Bicara Perdana Naib Canselor berjudul “T.E.R.A.S Naratif Baru UKM Universiti Watan KITA.”
- Semenjak Naib Canselor ke 4, Prof Tan Sri Dato' Anuwar Mahmud (1975-1980) saya telah mendengar amanat setiap Naib Canselor selepas beliau, 12 kesemuanya.
- Saya terpanggil untuk memberi kupasan, tafsiran serta penghayatan mengenai amanat Prof Dato' Dr. Ekhwan, Naib Canselor, kerana untuk pertama kalinya saya mendengar konsep watan diperkenal untuk menjenamakan UKM sebagai “UKM Universiti Watan Kita.”
- “UKM Universiti Watan Kita” suatu ungkapan yang merupakan satu metafora, satu slogan, satu realiti dan satu tindakan

UKM Universiti Watan Kita



Makna Watan وَطْنٌ

- **Etimologi:** perkataan dari Bahasa Arab وَطْنٌ
- **Bermakna:** negara, tanah air, tanah tumpah darah: kewatanan semangat utk membela nasib bangsa dan negara: faham (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 1804*)
- **Penggunaan Populer Watan:** Tentera Wataniah; Nasionalisme Melayu: faham kebangsaan Melayu berdasarkan ‘kewatanan’

Penghayatan Konsep Watan

- Maksud penghayatan: dua komponen; kefahaman dan amalan
- Kefahaman: watan sebagai satu fenomena sosial dan fizikal yang wujud dalam imaginasi dan realiti
- Amalan: ‘perjuangan untuk watan’ diterjemahkan kepada berbagai bentuk dari yang aman kepada yang bersifat konflik
- Watan dalam sejarah Malaysia: idea watan mengisi salah satu pergerakan nasionalisme berasal dari Timur Tengah, kemudian digunakan oleh pergerakan sivil, belia dan beberapa NGO dalam kerangka patriotisme.
- Kefahaman dan amalan watan di Malaysia tidak terikat kepada gerakan politik, telah tersebar kepada kegiatan lain melibatkan pelbagai kelompok etnik di Sabah dan Sarawak, seperti konsep Asli (aboriginal) dan Asal (native)

‘Universiti Watan’: beberapa tafsiran

- Universiti negara (bersifat inklusif)
 - Universiti Awam biayaan penuh kerajaan
- Universiti kebangsaan (bersifat inklusif)
 - Universiti Awam biayaan kerajaan dan dana sendiri
- Universiti tanah air (bersifat inklusif/eksklusif)
 - Universiti Awam dan Swasta, untuk semua warga negara ada bayar yuran ada dapat pinjaman atau basiswa
 - Universiti GLC: Petronas, UNITEN, UniKL dll.
- Universiti wataniah (bersifat inklusif dan eksklusif)
 - Universiti Terbuka, yang bermastautin bilangan kecil, selebihnya jarak jauh

UKM
Universiti
Watan Kita

SATU METAFORA

SATU SLOGAN

SATU REALITI

SATU TINDAKAN

UKM UNIVERSITI WATAN KITA

SATU METAFORA

dipetik dari Bicara Naib Canselor, “**T.E.R.A.S Naratif Baru UKM: Universiti Watan Kita**” pada pada 10/06/2021, bermakna biar pun masyarakat UKM wujud dalam keadaan ‘**kesepaduan dalam kepelbagaian**’ namun ia tetap terikat seperti yang dibayang dalam konsep Keluarga Malaysia PM baru-baru ini kerana sifat keterangkuman atau inklusifnya

SATU SLOGAN

bertujuan **mempromosi** wujudnya kebersamaan dalam UKM, biarpun warganya mempunyai pandangan berbeza tentang UKM, Malaysia dan Kerajaan, tetapi wujud dalam dinamika UKM suatu ekologi ilmunya bersifat tarikan centripetal (*moving toward a centre*) dan centrifugal (*pulling divisively*), seperti yang diamalkan dalam penyelidikan dan membina korpus ilmu masing-masing bidang: “**agree to agree, agree to disagree**”

SATU REALITI

satu **realiti** atau kenyataan yang menggambarkan kewujudan dan dinamika sebuah masyarakat Universiti, sebagai microcosm masyarakat Malaysia yang lebih besar, terdiri daripada berbilang kaum, pelbagai bidang pengkhususan, sains dan bukan sains, sering berdebat, tetapi sentiasa membina tapak integrasi ilmu melalui penyelidikan bersama mengenai fenomena sejagat dan lokal.

SATU TINDAKAN

UKM telah membina kerangka **tindakan T.E.R.A.S** “UKM: Universiti Watan Kita”
Huruf **T** bermaksud Terampil, bakat dan kebolehan
huruf **E** mengenai Etika dan adab dan adat
Huruf **R** mengenai Rangsang pancaran motivasi
huruf **A** mengenai Ampuh keupayaan tangkas
huruf **S** pengisian Semangat mengisi jiwa dan raga

Intipati T.E.R.A.S

- “TERAS Naratif Baru UKM: Universiti Watan Kita”
 - suatu usaha menjenama semula UKM sesuai dengan kewujudannya selama 50 tahun
- **TERAS** untuk “UKM: Universiti Watan Kita,” di watakan (dlm BM) seperti berikut:
 - huruf **T** mengenai Terampil termasuk bakat dan kebijaksanaan memimpin dan pelaksana
 - huruf **E** mengenai Etika termasuk penghayatan adat dan adab dari tradisi watan
 - **Huruf R** mengenai Rangsang termasuk motivasi untuk memperkasakan usaha
 - huruf **A** mengenai Ampuh mempunyai keupayaan mental dan fizikal yang tangkas
 - huruf **S** pengisian Semangat sentiasa tersemat dalam jiwa dan raga sebagai motivasi
- Setiap TERAS ini ada beberapa sub-TERAS sebagai kerangka operasi:
 - Sub-TERAS Watan: 1. *Falsafah Universiti* | 2. *Bahasa Melayu* | 3. *Warisan Budaya* | 4. *Jati Diri* | 5. *Patriotisme*
 - Sub-TERAS I-Minda: 1. *Advokasi* | 2. *Inovasi* | 3. *Ekosistem* | 4. *Nilai dan Mutu* | 5. *Translasi*
 - Sub-TERAS Holistik: 1. *Keusahawanan* | 2. *Kreativiti* | 3. *Kepemimpinan* | 4. *Kerjaya* | 5. *Nilai Murni*
 - Sub-TERAS Digital: 1. *Infra dan Info* | 2. *Pedagogi dan Ekologi Pembelajaran* | 3. *Pembudayaan* | 4. *Kelestarian* | 5. *Governans*
 - Sub-Teras Prihatin: 1. *Sihat* | 2. *Perpaduan* | 3. *Kebajikan* | 4. *Kemasyarakatan* | 5. *Mesra OKU*
- Dua Matlamat Akhir TERAS, sub-TERAS dan sub-sub-TERAS adalah konkret dan spesifik:
 - Kebolehpasaran Graduan – untuk keperluan sumber manusia negara dan kesejahteraan peribadi graduan
 - Penjanaan Pendapatan – untuk membiaya keperluan dalaman dan menstabilkan agihan

T.E.R.A.S: Realiti dan Tindakan Yang Sedia Ada dan Perlu Diadakan

- Kita menerima fakta bahawa UKM hari ini terhasil daripada Realiti dan Tindakan yang bersifat timbun tambah (*cumulative*)
- UKM juga melalui proses perubahan yang dinamik “sekali air bah, sekali pasir berubah”; yang lama masih ada yang dikekalkan, ada juga yang diganti dengan yang baru dan yang betul-betul baru pun ada diperkenalkan.
- UKM seperti air mengalir yang tidak mudah ditahan: kalau tak mengalir ianya melilih, kalau tak melilih ianya meresap, akhirnya kembali mengalir juga.
- Salah satu projek UKM yang dulu mengalir laju, kemudian melilih perlahan-lahan, lepas itu meresap kerana tidak dapat perhatian untuk sekian lama itu **PORTAL MALAYCIVILIZATION.COM**. Terasas pada tahun 2002.
- Sebuah Projek bersifat IR4.0 sebelum istilah IR4.0 wujud pada 2015 Karl Schwab.
- Dengan wujudnya TERAS, “UKM Universiti Watan Kita” kita berharap projek ini akan mengalir kembali, malah ke kawasan yang lebih luas, dan melimpah ke ruang yang lebih besar ke seantero dunia.



- Pembinaan dan pembangunan portal ini oleh Institut Alam dan Tamadan Melayu (ATMA), UKM pada tahun 2002 -2004 dinamakan **Portal Malaycivilization.com** dan seterusnya transformasi dan perluasan **Portal Malaycivilization.com.my** mulai Januari 2009 hingga Disember 2010, di bayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Dana DAGS (Skim Geran Aplikasi Penunjukcara).
- Sehingga kini, bahan-bahan penulisan dan penerbitan mengenai pengajian Dunia Melayu itu terdapat dalam kepelbagaian bentuk dan disiplin Dengan korpus ilmu seumpama itu semakin berkembang dan menjadi aneka ragam, timbulah cabaran menyediakan sistem pencarian maklumat yang tangkas dan efisyen untuk memenuhi kehendak dan keperluan penyelidik dan sarjana di bidang pengajian Dunia Melayu. Portal ini dibina untuk memperluaskan dan memperdalam pengajian Dunia Melayu.
- Projek **Portal Malaycivilization.ukm.my** adalah sebuah **projek WATAN**.
- Sesuai sekali projek ini diangkat sebagai projek UKM, berperanan sebagai salah satu ciri identiti WATAN UKM dan ditempatkan di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) sebagai sebahagian komponen perpustakaan penyelidikan digital, dengan dana dan sumber manusia yang cukup.
- Menerapkan koleksi sumbangan sumber penyelidikan daripada ATMA dan juga KITA, IKMAS dan LESTARI dan semua PTJ yang relevan dan beberapa Kluster Penyelidikan yang sedia ada.



<https://malaycivilization.com.my/>

| | |
|--|---|
| 1. PADAT | Sehingga kini sebanyak 53,442 entri bahan |
| 2. Koleksi N.A Halim | 395 daftar kata, 1839 buku dan gambar dan 4 video |
| 3. Koleksi Karya Jawi | 454 entri buku yang berkenaan telah disediakan |
| 4. Peribahasa Melayu | Sebanyak 20,304 entri yang dipaparkan |
| 5. Pantun Baba - | Sebanyak 586 entri yang dimasukkan ke dalam pangkalan data ini |
| 6. Suku kata Akhir Kamus Melayu - | sebanyak 14,000 entri akar kata bahasa Melayu standard sudah dimasukka |
| 7. Koleksi Tenas Affendi - | Setakat ini, beliau telah menerbitkan kira-kira 100 buah buku |
| 8. Jurnal SARI | Antara tahun 2010-2018 |
| 9. Adat Perpatih | 5,745 teks, 82 rakaman video, 352 foto |
| 10. Koleksi Khas Yang Que Yee | mempunyai 597 entri buku berbahasa Melayu |
| 11. Sejuta Pantun | pangkalan data ke-4 dibangunkan selepas data peribahasa dan data pantun baba |
| 12. Seni Ukir Kayu Melayu Tradisional | 310 koleksi khas seni ukir kayu Melayu |
| 13. Jurnal ATMA | Antara tahun 2010-2018 (sama dgn no 8) |
| 14. Tokoh Pemikir Alam Melayu | 12 tokoh terpilih |
| 15. Seni Silat Melayu | Pangkalan data Seni Silat Melayu ini terdiri daripada teks, foto, audio dan video |
| 16. Kesultanan Alam Melayu | 3 video |
| 17. Etno-Sains Perubatan Melayu | 5 video |
| 18. DR Borneo | 1256 Data Raya |
| 19. Puisi Melayu – | 154 puisi |
| 20. Busana Melayu (Akan datang) | n/a |
| 21. Muzik Alam Melayu (Akan datang) | n/a Prof Ulung Shamsul Amri Baharuddin |

“T.E.R.A.S Naratif Baru UKM, Universiti Watan Kita”

Sebuah tafsiran, sebuah rumusan

Sebuah METAFORA untuk Keluarga UKM
dan masyarakat umum

Sebuah SLOGAN mempamer
kebersamaan dalam UKM dari segi visi
dan misi

Sebuah REALITI menerima kenyataan
bahawa *UKM is a microcosm and part of
the global whole*

Sebuah AKTIVITI Mengandungi Strategi;
Program Tindakan; Indikator; Tempoh
Laksana; Komponen Pelaksana;
Keberhasilan

